



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

...

Berita
Online

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 11 April 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Kedai jual minyak peket RM2.80 diserbu

LUMUT – Tindakan sebuah kedai di Setiawan yang menjual minyak masak 1 kilogram (kg) bersubsidi pada harga RM2.80 sepeket membawa padah apabila premis itu diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) Perak di sini semalam.

Dalam serbuan pada pukul 4.48 petang itu, pasukan penguat kuasa KPDN turut merampas dan menyita sebanyak 465 peket minyak masak bersubsidi bernilai RM1,162.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, kejayaan operasi itu hasil maklumat orang awam yang memaklumkan peniaga terbabit menjual minyak masak peket 1kg pada harga RM2.80 sepeket berbanding harga yang ditetapkan iaitu RM2.50 sepeket.

"Satu tindakan uji beli telah dibuat di premis tersebut dan



ANGGOTA penguat kuasa KPDN Perak Cawangan Manjung memeriksa minyak masak peket di sebuah premis di Sitiawan semalam. – KPDN

mendapati pekerja telah menjual minyak masak peket 1kg pada harga RM2.80 seunit dan bukti telah tertera melalui resit jualan

yang diberi setelah apabila diminta.

"Pemeriksaan lanjut kemudian telah menemui minyak ma-

sak peket 1kg bersubsidi yang diletakkan dalam stor simpanan premis terbabit," katanya di sini semalam.

Sehubungan itu, Kamalludin berkata, satu tindakan kes telah diambil ke atas premis perniagaan berkenaan kerana disyaki melakukan kesalahan dibawah Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Beliau berkata, premis berkenaan selaku pengilang, pemborong atau peruncit tidak mematuhi arahan pengawal dengan menjual minyak masak peket melebihi harga yang telah ditetapkan iaitu RM2.50 seunit.

Katanya, sebanyak 465 peket minyak masak 1kg telah disita dengan nilai sitaan adalah dianggarkan berjumlah RM1,162.50.

"Kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya.

Tindakan tegas jika naikkan harga santan RM18 sekilogram

MELAKA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Melaka memberi amaran tegas kepada peniaga yang mengambil kesempatan dengan menjual santan melebihi harga kawalan yang ditetapkan.

Tindakan akan diambil mengikut peruntukan undang-undang sekiranya terdapat peniaga yang melanggar harga maksimum yang telah ditetapkan.

Pengarah KPDN Melaka, Dr Mohd Hazimin Jamaludin berkata, pihaknya telah menjalankan pemantauan secara berterusan untuk memastikan harga santan kekal terkawal sepanjang musim perayaan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan yang dilakukan oleh pegawai penguat kuasa di ketiga-tiga daerah mendapat harga pasaran santan di kebanyakan tempat, termasuk Melaka Tengah, dijual pada harga serendah RM15 sekilogram dan paling tinggi RM17 sekilogram, iaitu masih di bawah harga maksimum RM17.50.

"Sebelum ini, menjelang Aidilfitri ada pihak yang menjangkakan harga santan akan naik. Namun, fasa itu telah berakhir."

"Sekarang kita berada di pasca Aidilfitri dan bekalan santan di pasaran masih mencukupi, malah harga juga terkawal," katanya.



Mohd Hazimin (depan, dua dari kiri) ketika meninjau harga daging di Pasar Besar MBMB Bachang pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan pemeriksaan pasca Aidilfitri di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di Bachang, di sini, pada Rabu.

Tambahnya, sejak kerajaan

mengambil langkah proaktif dengan meletakkan santan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Aidilfitri bermula 24 Mac lalu, harga komoditi itu di negeri ini dapat dikawal dengan baik tanpa berlakunya kenaikan mendadak.

386 tindakan sepanjang pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2025: KPDN

KUALA LUMPUR: Sebanyak 386 tindakan diam-bil terhadap peniaga yang ingkar sepanjang 15 hari pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2025, termasuk kesalahan menjual barang melebihi harga maksimum.

Ketua Pengarah Pen-guat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Nege-ri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Azman Adam berkata, tindakan lain turut melibatkan kega-galan menggunakan tanda harga khas merah jambu serta tidak meletakkan tanda harga pada barang jualan.

“Tindakan ini mem-babitkan sitaan bernilai RM12,813.84, manakala jumlah kompaun yang dike-luarkan adalah sebanyak RM43,400,” katanya dalam kenyataan semalam.

Pelaksanaan SHMMP berlangsung selama tujuh hari sebelum dan selepas serta sehari semasa perayaan, melibatkan pemeriksaan terhadap 158 premis borong dan pengeluar, selain 7,097

premis runcit di seluruh negara.

Azman berkata, peman-tauan dan penguatkuasaan oleh KPDN serta maklum balas daripada orang ra-mai mendapati pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2025 berjalan dengan baik dan lancar.

“Kementerian tidak menerima sebarang adu-an semasa pelaksanaan SHMMP. Majoriti peniaga yang diperiksa didapati komited serta mematuhi peraturan berkaitan harga maksimum yang ditetapkan sepanjang tempoh skim ini,” katanya.

Beliau turut merakam-kan penghargaan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensinya, pihak industri dan para peniaga atas kerjasama menjayakan pelaksanaan SHMMP kali ini.

Sebanyak 26 jenis barang dikawal harga semasa pelak-sanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2025, bertujuan men-stabilkan kenaikan harga tidak berpatutan ekoran per-mintaan tinggi semasa musim perayaan. — Bernama

386 tindakan sepanjang pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2025: KPDN

KUALA LUMPUR: Sebanyak 386 tindakan diam-bil terhadap peniaga yang ingkar sepanjang 15 hari pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2025, termasuk kesalahan menjual barang melebihi harga maksimum.

Ketua Pengarah Pen-guat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Nege-ri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Azman Adam berkata, tindakan lain turut melibatkan kega-galan menggunakan tanda harga khas merah jambu serta tidak meletakkan tanda harga pada barang jualan.

“Tindakan ini mem-babitkan sitaan bernilai RM12,813.84, manakala jumlah kompaun yang dike-luarkan adalah sebanyak RM43,400,” katanya dalam kenyataan semalam.

Pelaksanaan SHMMP berlangsung selama tujuh hari sebelum dan selepas serta sehari semasa perayaan, melibatkan pemeriksaan terhadap 158 premis borong dan pengeluar, selain 7,097

premis runcit di seluruh negara.

Azman berkata, peman-tauan dan penguatkuasaan oleh KPDN serta maklum balas daripada orang ra-mai mendapati pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2025 berjalan dengan baik dan lancar.

“Kementerian tidak menerima sebarang adu-an semasa pelaksanaan SHMMP. Majoriti peniaga yang diperiksa didapati komited serta mematuhi peraturan berkaitan harga maksimum yang ditetapkan sepanjang tempoh skim ini,” katanya.

Beliau turut merakam-kan penghargaan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensinya, pihak industri dan para peniaga atas kerjasama menjayakan pelaksanaan SHMMP kali ini.

Sebanyak 26 jenis barang dikawal harga semasa pelak-sanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2025, bertujuan men-stabilkan kenaikan harga tidak berpatutan ekoran per-mintaan tinggi semasa musim perayaan. — Bernama

HARI: JUMAAT

TARIKH: 11/4/2025

M/SURAT: 11

KPDN: Fresh coconut milk in Melaka cheaper than govt-set ceiling price



Mohd Hazimin speaks to a trader during the post-Aidilfitri inspection at MBMB Central Market. — Bernama photo

MELAKA: The average price of fresh coconut milk in Melaka is between RM15 and RM17 per kilogramme, which is lower than the government-set ceiling price of RM17.50 per kilogramme.

Melaka Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) director Dr Mohd Hazimin Jamaludin said based on engagement sessions held with fresh coconut milk sellers in the state, the product can be sold at a lower price because there is an adequate supply of coconuts, in addition to the government's set ceiling price.

"Therefore, we guarantee that there will be no increase in the price of fresh coconut milk after

Hari Raya Aidilfitri.

"Based on today's monitoring, fresh coconut milk can be easily obtained at a fair price," he told reporters at the Melaka Historic City Council (MBMB) Central Market in Bachang, here yesterday.

At the same time, he said complaints can be submitted to the ministry for further action if any trader is found selling fresh coconut milk above the maximum price.

He was speaking after a post-Aidilfitri inspection by Melaka KPDN, which was also attended by its chief enforcement officer Rohaimin Mohammed Zawawi.

Mohd Hazimin said so far,

Melaka KPDN has not received any complaints regarding the sale of fresh coconut milk exceeding the ceiling price, including during the lead-up to Hari Raya Aidilfitri.

In a related development, he said a total of 25 price-related complaints were received during the implementation of the Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) for Hari Raya Aidilfitri 2025, which ran from March 24 to April 7.

He said seven cases of non-compliance involving the absence of pink special price tags were also detected during this year's SHMMP implementation. — Bernama



HARI: JUMAAT

TARIKH: 11/4/2025

M/SURAT: 3

查商品价格
▼官员们于一家超市检

纳闽 2025 开斋节顶价计划 22 种商品管控有成效

(本报纳闽 9 日讯) 大马国内贸易及生活成本部已成功执行 2025 年开斋节佳节统制品顶价计划，该计划自 3 月 24 日开始实施，共执行 15 天，即在节日前 7 天、节日当天及节日后 7 天。

全国共有 26 种特定商品纳入此计划的价格管控范围。在纳闽，仅有 22 种商品被纳入和受控于此计划。

在此 15 天的执行期间，纳闽国内贸易及生活成本部共突击纳闽城乡各地共 67 家商业场所。

检查涵盖批发及零售领域，包括纳闽周边的公共市场。

在为期 15 天的 2025 年开斋节佳节统制品顶价计划执行期间，并无任何相关案件或投诉被报告。相比之下，在今年初执行的农历新年统制品顶价计划中，

纳闽国内贸易及生活成本部共发出四张罚款通知书，针对执行期间所发现的违规行为。这显示出商贩对政府颁布的指令日益关注与遵守。

在执法方面，自 1 月 1 日至 3 月 31 日，纳闽国内贸易及生活成本部共接获 33 宗公众投诉，并进行 4,111 次检查。在此期间，共开立 45 宗案件，总没收物品价值为 169,255.76 令吉。

记录的罚款金额为 90,000.00 令吉，而成功征收的罚款通知金额为 8,900.00 令吉。

国内贸易及生活成本部鼓励公众积极提供资料或投诉，并可通过以下渠道提交完整的举报资料：

投诉网站：<https://eaduan.kpdn.gov.my>，电话：087-423152（纳闽办事处）

紧急行动室（纳闽）：087-423209，传真：087-452150，WhatsApp：[http://www.wasap.my/+60198488000/Aduan+Pengguna \(001\)](http://www.wasap.my/+60198488000/Aduan+Pengguna (001))





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Telur ayam gred D terputus bekalan

Kuala Lumpur: Harga telur ayam gred D yang sebelum ini dilaporkan serendah RM5, menjadi rebutan orang ramai sehingga beberapa kedai runcit terputus bekalan.

Tinjauan Harian Metro di sebuah pasar raya dekat Pantai Dalam di sini, semalam mendapati telur ayam gred D dijual pada harga serendah RM4.99 bagi 30 biji.

Bagaimanapun, sebuah kedai runcit di kawasan berdekatan didapati menjual telur ayam gred D pada harga lebih tinggi iaitu RM9.50 bagi jumlah sama.

Manakala empat lagi kedai runcit dilihat hanya menjual telur ayam gred B sahaja pada harga antara RM11 hingga RM13.50.

Pekerja pasar raya yang hanya ingin dikenali sebagai Zaidah berkata, harga sepapan telur gred itu sebelum Ramadhan lalu adalah RM11.90.

Menurutnya, ia mula dijual murah berikutan pelaksanaan Skim Harga Kawalan Runcit sejak 26 Mac lalu sempena sambu-

tan Aidilfitri yang menetapkan harga maksimum telur gred D RM0.16 sebiji.

"Walaupun tempoh skim berkenaan sudah tamat pada 7 April, harga telur masih dijual pada harga RM4.99 bagi 30 biji.

"Saya pun tak pasti harga ini terus rendah sampai bila. Kami hanya tunggu arahan pembekal, jika pembekal kata harga telur sudah naik, baru kami naikkan harga," katanya ketika dijumpai di sini semalam.

Pekerja kedai runcit yang hanya ingin dikenali sebagai Razman pula berkata, telur gred D sudah habis terjual sehari sebelum Hari Raya Aidilfitri lalu dan bekalar baharu masih belum tiba.

"Memang turun mendadak sehingga orang rama borong sakar untuk persiapan raya.

"Sekarang di kedai runcit ini hanya tinggal telur ayam gred B sahaja.

"Saya tak pasti jika bekalan telur gred D tiba harga akan tetap murah atau kembali ke harga lama," katanya.

“
Saya pun tak pasti harga ini terus rendah sampai bila
Zaidah



TELUR mula dijual murah berikutan pelaksanaan Skim Harga Kawalan Runcit sejak 26 Mac lalu.

PERDIM bantah cadangan papar harga ubat di semua klinik swasta

SHAH ALAM - Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM) membantah cadangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mewajibkan paparan harga ubat di semua klinik swasta mulai 1 Mei ini.

Presidennya, Dr Boi Saidi Abdul Razak berkata, langkah itu disifatkan tidak munasabah dan membebankan selain membuka ruang kepada kekeliruan serta tindakan hukuman yang tidak wajar.

Menurut beliau, cadangan itu tidak mengambil kira realiti operasi klinik swasta dan berpotensi menyulitkan aspek pentadbiran, selain mewujudkan pertindihan bidang kuasa antara agensi.

"Cadangan penguatkuasaan ini dibuat melalui Akta 723 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) yang dilihat sebagai campur tangan agensi luar dalam sektor kesihatan.

"Penglibatan KPDN melalui akta ini boleh menyebabkan kekeliruan kerana ia bertindan dengan akta sedia ada yang mengawal perkhidmatan klinik swasta," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Boi Saidi menjelaskan, cadangan itu bukan sahaja menyukarkan pelaksanaan, malah boleh mengundang tindakan undang-undang ke atas kesalahan kecil tanpa budi bicara.

Tambahnya, Malaysia tidak mempunyai



BOI SAIDI

kawalan harga ubat rasmi menjadikan penguatkuasaan berdasarkan Akta 723 sebagai sesuatu yang tidak praktikal dan tidak berasas.

"Bagaimana klinik boleh dipertanggungjawabkan atau dikenakan kompaun sedangkan tiada harga ubat standard yang ditetapkan kerajaan?

"Klinik swasta perlu diberi ruang tetapkan harga berdasarkan kos operasi dan bekalan masing-masing," katanya.

Boi Saidi turut menegaskan bahawa tiada sebarang akta ketika ini yang mengawal urus tadbir syarikat insurans, pengendali pihak ketiga (TPA) dan pengurus kos perubatan (MCO), yang secara langsung mempengaruhi harga rawatan dan ubat di klinik swasta.

Beliau menjelaskan, paparan harga ubat juga tidak memberi kesan besar kepada pengguna kerana harga sebenar rawatan bergantung kepada banyak faktor seperti diagnosis, jenis ubat yang digunakan serta tempoh rawatan.

"Paparan harga ubat tidak gambarkan kos keseluruhan rawatan dan ia mengelirukan pesakit sedangkan tujuan asal adalah untuk memberi ketulusan," jelasnya.

Sehubungan itu, PERDIM mencadangkan langkah paparan harga ubat hanya dilaksanakan melalui pekeliling dalaman kementerian secara pilihan kepada pemilik klinik tanpa disandarkan kepada sebarang akta yang membawa ancaman hukuman.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 11 APRIL 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
11-Apr	KPDN lakukan lebih 7,000 pemeriksaan sepanjang pelaksanaan SHMMP	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1206066/kpdn-lakukan-lebih-7000-pemeriksaan-sepanjang-pelaksanaan-shmmp#google_vignette	HARIAN METRO
11-Apr	386 TINDAKAN SEPANJANG PELAKSANAAN SHMMP HARI RAYA PUASA 2025 - KPDN	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2410944	BERNAMA
11-Apr	386 TINDAKAN SEPANJANG PELAKSANAAN SHMMP HARI RAYA PUASA 2025 – KPDN	https://suarasarawak.my/386-tindakan-sepanjang-pelaksanaan-shmmp-hari-rayapuasa-2025-kpdn/	SUARA SARAWAK
11-Apr	386 tindakan sepanjang pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2025: KPDN	https://www.utusanborneo.com.my/2025/04/10/386-tindakan-sepanjang-pelaksanaan-shmmp-hari-rayapuasa-2025-kpdn	UTUSAN BORNEO
11-Apr	386 tindakan sepanjang pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2025 - KPDN	https://www.sinarharian.com.my/article/722043/berita/386-tindakan-sepanjang-pelaksanaan-shmmp-hari-	SINAR HARIAN
11-Apr	386 actions taken against errant traders during SHMMP for Aidilfitri2025 - KPDN	https://thesun.my/malaysia-news/386-actions-taken-against-errant-traders-during-shmmp-for-aidilfitri-2025-kpdn-AK13915342	THE SUN
11-Apr	KPDN MELAKA KESAN 7 KESALAHAN TIDAK PAMER TANDA HARGA ‘PINK’	https://www.melakahariini.my/kpdn-melaka-kesan-7-kesalahan-tidak-pamer-tanda-harga-pink/	MELAKA HARI INI

11-Apr	'Dahlah sorok, sampai RM2.80 sepeket dijual'	https://www.kosmo.com.my/2025/04/10/dahlah-sorok-sampai-rm2-80-sepeket-dijual/	KOSMO
11-Apr	KPDN Perak Sita 465 Min-yak Masak Peket Dijual Melebihi Harga Kawalan	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2411084	BERNAMA
11-Apr	Premis perniagaan warga asing Puncak Alam digempur lagi	https://www.kosmo.com.my/2025/04/10/premis-perniagaan-warga-asing-puncak-alam-digempur-lagi/#google_vignette	KOSMO
11-Apr	Tiada aduan diterima sepanjang pelaksanaan SHMMP Aidilfitri 2025 – KPDN	https://www.wilayahku.com.my/tiada-aduan-diterima-sepanjang-pelaksanaan	WILAYAHKU
11-Apr	Warga asing kendali restoran, kedai runcit tanpa lesen digempur	https://www.sinarharian.com.my/article/722175/edisi/selangor-kl/warga-asing-kendali-restoran-kedai-runcit-tanpa-lesen-	SINAR HARIAN
11-Apr	JUALAN RAHMAH DICADDANG DIPERLUAS KE IPT, KURANGKAN KOS SARA HIDUP GOLONGAN MUDA	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2411297	BERNAMA